

Headline	TNB pupuk bakat pemain hoki negara bertaraf dunia		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	13 Jan 2024	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	7
Section	Nasional	Journalist	Ercy Gracella Ajos
ArticleSize	844 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 83,841		



Sempena Kempen Kelayakan Sukan Olimpik Paris 2024

# TNB pupuk bakat pemain hoki negara bertaraf dunia



Sumbangan TNB dalam program pembangunan sukan hoki negara cecah RM30 juta

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia sentiasa berada antara 15 pasukan hoki terbaik dunia dengan sokongan kuat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam melahirkan ramai pemain negara bertaraf dunia sejak 1970-an lagi.

Tidak keterhalauan untuk mengatakan bahwa hoki sudah menjadi darah daging TNB dengan syarikat tenaga itu memastabatkan sukan berkenaan melalui pelbagai program antaraanya bersama Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Ketua Pegawai Global Business Solutions TNB (TGBS), Datuk Ahmad Hushairi, berkata kemampuan pernah berada dalam kumpulan 10 terbaik dunia dan kini di tangga ke-12, disifatkan sebagai agenda nasional yang mampu menyemarakkan semangat perpaduan dalam masyarakat.

"Di TNB, kami tidak hanya memberi tumpuan kepada memacu aspirasi peralihan tenaga, tetapi juga menekankan aspek sosial di bawah amalan kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)."

"TNB salah satu syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang menjadi Rakan Strategik dalam sukan hoki dan menjadi penaja utama MHC," jelasnya bagaimana sukan hoki begitu sinonim dengan TNB.

Dedikasi TNB terbukti melalui pengambilan pemain, kejohanan konsisten, penajaan dan inisiatif teguh yang bertujuan mengembangkan bakat, terutama pada peringkat sekolah menerusi program pembangunan hoki TNB Thunderbolts, iaitu program membangunkan pemain remaja sebagai pelapis negara.

"Program ini melatih, membimbing dan membantu peserta menjadi pemain berkualiti tinggi. Sejak 2015, sumbangan TNB dalam program pembangunan sukan hoki negara mencapai RM30 juta," katanya.

Ahmad Hushairi berkata, hasil penajaan TNB sebagai penaja utama liga hoki negara sudah



Nor Saiful Zaini bersama Muhamad Aminudin Mohd Zain (kanan) dan Syed Mohamad Syafiq.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

berjaya menghimpulkan pemain hoki tempatan untuk dipilih dan digunakan dalam skuad kebangsaan.

Buktinya, 10 pemain TNB di bawah Program Thunderbolts terpilih dalam skuad untuk berrentap pada kelayakan Olimpik di Muscat, Oman pada 15-21 Januari ini.

Mereka yang terkenal ialah Hafizzudin Othman, Syafiq Hasnan, Amirul Hamizan Azahar dan Nik Aiman Rozemi, Faiz Helmi Jali, Shello Silverius, Fitri Saari, Firhan Ashari, Shahril Saabah dan Azrai Aizad Abu Kamal.

## Pencapaian membanggakan

Ketua Jurulatih Hoki TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin, berkata pihaknya yakin semua 10 pemain yang menarung jersi kebangsaan ini akan berada di barisan utama dan akan mendominasi posisi masing-masing.

"Pencapaian semua pemain yang mewakili pasukan kebangsaan ini amat membanggakan. TNB bukan sahaja membantu dari segi kewangan, tetapi menyediakan segala kemudahan dan keselesaan buat mereka. Malah, TNB juga menyediakan laluan kerjaya selepas mereka 'bersara' sebagai pemain," katanya.

Nor Saiful berkata, pemain remaja dibimbing sejak mereka berusia 13 tahun dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Mala-

ysia (KPM) dan ramai yang berjaya dalam sukan hoki termasuklah menjadi pemain kebangsaan.

"Orang nampak (mereka pakai) jersi kebangsaan, tetapi sebenarnya tempoh diambil untuk sampai ke tahap ini satu perjalanan panjang," katanya sambil memberitahu pasukan hoki negara kini berada pada tangga ke-12 dunia.

Menurut Nor Saiful, program pembangunan Thunderbolts bermula sejak 2007 dan asalnya, program ini dibuat kerana didapat ramai pemain hoki TNB yang sudah bersara ketika itu berkemahiran untuk transformasi dan mengajar kemahiran bermain hoki kepada golongan remaja.

Program ini diadakan bagi mencungkil bakat pemain hoki ketika mereka masih di bangku sekolah dan sejak penubuhannya, lima sekolah dijadikan anak angkat.

Sekolah terbabit adalah Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Peningam, Johor (SSTM); Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur (BJS); Sekolah Menengah Seberang Temerloh, Pahang

(AHP); Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh, Perak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Permatang Kuala Selangor (PPHT).

Dalam perancangan, sebuah sekolah di Perlis bakal dijadikan sekolah angkat bagi program berkenaan.

Sehingga kini, Program Thunderbolts melahirkan tidak kurang daripada 200 pemain hoki setiap tahun. Mereka bukan sahaja mewakili pasukan kebangsaan, tetapi juga bermain untuk

kelab dalam liga tempatan serta syarikat di tempat bekerja.

## Hoki 'hidup' kerana TNB

Mengenai kempen Kelayakan Olimpik 2024 bermula minggu depan, kapten Pasukan Hoki TNB, Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan, berkata peluang pasukan negara dilihat agak cerah meskipun berada bersama pasukan Britain.

"Peluang kali ini agak cerah, tetapi kita perlu menang ketika menentang China dan Pakistan dan sekurang-kurangnya berada di kedudukan kedua dalam kumpulan. Kalau boleh tewaskan Britain, lagi bagus."

"Mereka ada peluang terseraai dalam 12 pasukan yang akan berentap pada Olimpik Paris 2024. Namun, kita tidak boleh memandang rendah kemampuan lawan, walaupun Pakistan dan China berada dalam ranking yang lebih rendah," ulasnya.

Dalam pada itu, Syed Mohamad Syafiq berterima kasih kepada TNB kerana banyak membantu sukan hoki tanah air daripada pelbagai aspek termasuk tajaan, program akar umbi sehingga berjaya melahirkan ramai pemain kebangsaan.

"Tanpa program akar umbi ini, mungkin sukan hoki kita ini sudah lama 'mati' dan ketandusan pelapis negara. Tiada syarikat lain yang mahu berhbas jutaan ringgit untuk membangunkan sukan hoki di negara kita."

"Apa yang ada pada kami sekarang dan segala pencapaian ini adalah kerana komitmen serta dedikasi TNB yang besar dalam pembangunan sukan hoki negara," katanya.

